

KOSMO
1/9/2015
mls 2

Ahli arkeologi jumpa artifak lama lebih tua daripada candi Borobudur, Angkor Wat

Kapal purba 2,000 tahun ditemui

ALOR SETAR - Beberapa kapal purba dipercayai berusia hampir 2,000 tahun ditemui para pengkaji di kawasan berpaya dan bersekut di Tapak Arkeologi Sungai Batu, Sungai Petani yang diiktiraf sebagai tapak tamadun tertua di Asia Tenggara.

Penemuan tinggalan kapal purba di Sungai Batu kuno yang pernah mengalir di kawasan bersejarah Kedah Tua itu didedahkan Pengerusi Jawatankuasa Agama, Hal Ehwal Masyarakat Siam, Pelancongan dan Warisan, Kerja Raya negeri, Datuk Mohd. Rawi Abdul Hamid baru-baru ini.

"Ada di dalam sungai kuno itu lima atau tujuh kapal atau



GAMBAR fail menunjukkan beberapa penyelidik menjalankan kerja-kerja mengorek artifak prasejarah di Tapak Arkeologi Sungai Batu, Sungai Petani.



TAPAK peleburan besi tinggalan tamadun pada tahun 110 Masihi yang dijumpai penyelidik di Tapak Arkeologi Sungai Batu menunjukkan sudah wujud perkembangan teknologi besi pada waktu itu.

INFO Angkor Wat dan Borobudur



Angkor Wat

- Dibina oleh Raja Suryavarman II pada pertengahan abad ke-12
- Pembinaan kuil ini mengambil masa selama 30 tahun
- Terletak di Dataran Angkor, Siem Reap, Kemboja
- Merupakan bangunan keagamaan terbesar di dunia
- Pembinaan Angkor Wat dipengaruhi oleh agama Hindu

Borobudur

- Kuil agama Buddha ini terletak di Jawa

... atau tujuan kapal atau tongkang lama. Tiang layar (kapal-kapal purba) itu pun sudah nampak. Kapal-kapal atau tongkang purba itu adalah 40 hingga 50 kaki (12 hingga 15 meter) panjangnya.

“Selama ini pengkaji-pengkaji mencari di kawasan bakau di pesisir pantai, tetapi apabila menggunakan teknologi satelit, (pengkaji) mengetahui di mana kedudukan asal sungai kuno itu,” katanya dalam temu ramah di pejabatnya.

Mohd. Rawi berkata, pengkaji-pengkaji di tapak arkeologi terbabit menemui tinggalan kapal-kapal purba itu kira-kira setahun yang lalu, tetapi tidak membuat sebarang pengumuman tentang penemuan itu sehingga kini.

Para pengkaji telah mula melakukan ekskavasi di Tapak Arkeologi Sungai Batu yang terletak di ladang kelapa sawit berhampiran Sungai Petani sejak 2009.

Ahli arkeologi telah menemui pelbagai monumen yang disahkan berusia seawal



MOHD. RAWI

“Ada di dalam sungai kuno itu lima hingga tujuh kapal atau tongkang lama. Tiang layar (kapal-kapal purba) itu pun sudah nampak

MOHD. RAWI

1,900 tahun (110 Masihi).

Usianya telah disahkan lebih tua berbanding candi-candi di Borobudur, Indonesia dan Angkor Wat, Kemboja yang masing-masing dibina pada abad kesembilan dan abad ke-12.

Tinggalan-tinggalan kapal purba itu, menurut Mohd. Rawi dikesan tertanam di dalam sebuah kawasan berpaya dan berselut yang dikatakan pada zaman dahulu merupakan sebuah sungai kuno yang dalam dan luas.


“Pengkaji menyelam dan mereka melihat adanya struktur seperti sebuah kapal,” katanya sambil menambah Tamadun Lembah Bujang merupakan penemuan yang amat penting bukan sahaja kepada Kedah, tetapi juga Malaysia.

Kawasan Tapak Arkeologi Sungai Batu



Ditanya sama ada kerajaan negeri mahu melihat usaha menaikkan tinggalan kapal-kapal purba dimulakan, beliau berkata, perbincangan perlu diadakan kerana kos untuk menaikkannya dijangka amat tinggi.

Jelas Mohd. Rawi, kerajaan negeri dan kerajaan pusat serta pelbagai agensi lain seperti Jabatan Warisan serta Universiti Sains Malaysia yang melakukan kajian di Tapak Arkeologi Sungai Batu itu perlu duduk bersama dan berbincang. - Bernama



GAMBAR lakaran sebuah kapal lama yang mungkin digunakan pada zaman Tamadun Sungai Batu. - Gambar hiasan

- Kuil agama Buddha ini terletak di Jawa Tengah, Indonesia
- Dibina antara tahun 750 dan 850 Masihi oleh pemerintah Jawa semasa Dinasti Salendra dan Sanjaya
- Mengambil masa selama 50 tahun untuk dibina
- Berbentuk enam segi bujur dan mempunyai ketinggian tiga tingkat
- Kuil ini dihiasi 2,672 arca dan 504 stupa loceng serta 1,460 kepingan arca
- Kuil ini terbengekai disebabkan oleh kemerosotan pengaruh Hindu Buddha kerana kedatangan Islam pada kurun ke-14



INFO Ekskavasi Sungai Batu

- Bermula pada Februari 2009
- Tapak ini telah ditemui oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia pada tahun 2007
- Terletak lebih kurang 10 kilometer dari bandar Sungai Petani dan berada di kawasan kelapa sawit berdekatan jalan raya menghubungkan antara Merbok dan Semeling
- Tapak ekskavasi ini masih berada dalam Tamadun Lembah Bujang dan mempunyai kaitan dengan tapak-tapak lain seperti tapak Sungai Batu Pahat, Kampung Pengkalan Bujang serta berada dalam kawasan tapak Candi 71

Dipercayai bangkai kapal selepas analisis

ALOR SETAR - Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Mokhtar Saidin (gambar) semalam mengesahkan penemuan struktur-struktur yang dipercayai bangkai kapal-kapal purba di Tapak Arkeologi Sungai Batu, Sungai Petani.

“Kita menemui struktur-struktur itu yang dipercayai kapal purba itu ketika melakukan analisis geofizik (di Tapak Arkeologi Sungai Batu). Bagaimanapun,



kita perlu melakukan lebih banyak analisis dan kajian sebelum dapat mencapai keputusan akhir,” katanya.

Ditanya tentang usia struktur itu jika ia disahkan adalah kapal-kapal purba, beliau berkata, ia berkemungkinan memiliki usia yang sama seperti tamadun di Sungai Batu itu sendiri.

Beberapa pengkaji yang ditemui di tapak arkeologi Sungai Batu turut mengakui tentang penemuan tinggalan kapal purba berkenaan yang boleh disifatkan sebagai anta-

ra penemuan paling penting setakat ini.

Sejak menjalankan kajian di Sungai Batu pada tahun 2009, pasukan arkeologi USM telah membuat beberapa penemuan penting seperti relau melebur besi, jeti-jeti pelabuhan dan bangunan pentadbiran.

Bagaimanapun, penemuan terpenting adalah monumen bulatan yang disahkan dibina pada tahun 110 Masihi iaitu 1,900 tahun dahulu dan berkemungkinan berfungsi untuk tujuan ibadat bagi penganutnya yang mengamalkan kepercayaan animisme. - Bernama